

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PENYAMPAIAN DIPLOMA DAN SIJIL PUTERI NURSING COLLEGE
Lokasi : HOTEL CROWN PRINCESS, KUALA LUMPUR
Tarikh : 20-12-1994

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Puteri Nursing College (PNC) kerana menjemput saya ke majlis yang bersejarah ini untuk menyampaikan diploma-diploma dan sijil-sijil kejururawatan kepada graduan-graduannya.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan yang akan menerima diploma dan sijil masing-masing hari ini. Ini adalah hadiah teristimewa kepada para graduan sekalian hasil ketabahan dan ketekunan menjalankan kursus di Kolej ini.

3. Latihan rasmi sebagai jururawat pelatih ini telah pun tamat dan kini bermula pula proses pembelajaran sebagai seorang jururawat terlatih dalam pasukan perubatan. Ini mungkin lebih sukar dan lebih mencabar daripada proses pembelajaran yang dilalui di PNC. Sekarang tidak ada lagi pengajar untuk puan-puan bergantung atau mentor yang boleh menunjukajar, membimbing dan menasihati puan-puan. Kini puan-puan mestilah pandai berdikari, mampu menyesuaikan diri dengan suasana persekitaran kerja, memahami dan mempraktikkan polisi-polisi dan prosedur-prosedur tertentu yang ditetapkan serta diamalkan oleh profesion ini. Keupayaan puan-puan menyesuaikan diri dengan cepat amatlah penting.

4. Sebagai kumpulan pertama dengan berkelulusan diploma, harapan masyarakat terhadap kemampuan puan-puan adalah tinggi. Puan-puan hendaklah bijak menganalisa keadaan dan masalah pesakit dan seterusnya merancang dan melaksanakan perawatan yang sesuai untuknya. Penilaian keberkesanan perawatan yang dilaksanakan perlu dijalankan dari semasa ke semasa dan langkah-langkah yang wajar perlu diambil untuk menentukan perawatan yang berkesan dan berkualiti telah dilaksanakan. Kaedah perawatan yang menekankan ciri-ciri 'client-centred' dan 'family-centred' memerlukan banyak pengorbanan, sama ada melalui usaha-usaha untuk menambahkan pengetahuan, peningkatan kemahiran ataupun perubahan sikap dari semasa ke semasa, sejajar dengan perkembangan perkhidmatan dan teknologi semasa.

5. Puan-puan merupakan 'agents of change' yang penting. Justeru itu, para graduan sekalian haruslah memainkan peranan masing-masing untuk mengubah apa jua yang patut diubah demi untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada pesakit-pesakit. Dalam hal ini pengorbanan adalah penting bagi keperluan pesakit-pesakit.

6. Bidang perubatan dan kejururawatan adalah satu bidang yang sangat dekat dengan sanubari saya. Sebahagian besar usia saya telah ditumpukan kepada kedua-dua arena ini. Saya amat berbangga dengan perkembangan pendidikan kejururawatan di Malaysia sekarang.

7. Pendidikan kejururawatan yang kukuh berdasarkan kepada keperluan semasa negara dan masyarakat di Malaysia amatlah penting untuk menjamin keberkesanan perkhidmatan kesihatan di Malaysia -- sama ada di sektor awam ataupun di sektor swasta. Program kejururawatan asas bertaraf sijil kini telah dinaikkan taraf ke program kejururawatan bertaraf diploma. Program ijazah sains kejururawatan di Universiti Malaya juga telah dimulakan.

8. Negara Malaysia amat bertuah kerana mempunyai rangkaian hospital, klinik perubatan dan kesihatan di seluruh pelusuk negara sama ada yang diusahakan oleh pihak Kerajaan atau swasta. Ini membanggakan kerana rakyat boleh menerima rawatan di mana-mana jua mengikut pilihan mereka sendiri.

9. Malangnya, dengan perkembangan dan pertumbuhan institusi-institusi perubatan dan kesihatan ini, timbul pula kekurangan anggota-anggota yang akan menjalankan rawatan bagi pesakit, termasuklah jururawat. Kebelakangan ini Kerajaan terpaksa mengambil jururawat dari negara asing untuk menampung kekurangan ini yang berlaku kerana pesaraan selepas atau sebelum had umur 55 tahun, berhenti kerana menyertai pihak swasta atau berpindah ke negara asing oleh jururawat-jururawat kita

sendiri.

10. Di pihak swasta juga berlaku kekurangan jururawat kerana tidak ramai jururawat yang terlatih dan berpengalaman dalam pasaran selain mereka yang bertugas dalam hospital.

Oleh itu, keadaan "stealing from Peter to pay Paul" berlaku.

Tarikan ke pihak yang boleh membayar gaji lebih berlaku di mana-mana jua : dari Hospital Kerajaan ke pihak swasta, dari swasta A kepada swasta B, dari negara Malaysia ke Brunei dan Timur Tengah, dari Indonesia, Filipina, Bangladesh, India ke Malaysia dan sebagainya.

11. Oleh itu, kekurangan jururawat tidak akan dapat ditangani selain daripada lebih banyak institusi latihan kejururawatan diadakan oleh kedua-dua pihak.

12. Tidak ada cara yang lebih baik untuk mendapat tenaga pekerja daripada menyediakannya sendiri melalui program pendidikan yang dilaksanakan sendiri, di mana, selain daripada mendedahkan mereka kepada kurikulum yang diluluskan, prosedur, polisi dan 'standard' khas organisasi juga boleh diserapkan dari awal-awal lagi.

13. Usaha-usaha ini adalah sejajar dengan Wawasan 2020, iaitu menggalakkan sektor swasta melaksanakan program-program pendidikan dan latihan secara sepenuhnya di Malaysia atau secara bergabung tenaga dengan pihak-pihak dari luar negara.

14. Saya yakin dengan Wawasan dan azam yang kuat diiringi dengan pucuk pimpinan yang dinamik serta barisan pengurus yang proaktif dan kumpulan tenaga pekerja yang komited, objektif organisasi ini akan tercapai, insya-Allah.

15. Saya berasa amat bangga dan mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ), khasnya Kumpulan Perubatan Johor Sendirian Berhad (KPJSB), terutama Ketua Eksekutifnya, Puan Siti Sa'diah, kerana berpandangan jauh dan proaktif terhadap pendidikan kejururawatan pra pendaftaran dan lepasan pendaftaran untuk rangkaian hospital Kumpulan Perubatan Johor.

16. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada para graduan dan berharap mereka akan bertugas dengan penuh dedikasi dan semangat kemanusiaan untuk nama baik kejururawatan dan wanita yang dicipta oleh Allah S.W.T sebagai pelembut dan penawar hati bagi orang yang sakit.
